

## NOVEL SONGKET BERBENANG EMAS

### Tema

Tema novel ini ialah kecekalan seorang remaja menempuh cabaran hidupnya. Dahlia cekat menghadapi pelbagai masalah dalam hidupnya. Antaranya ialah ibunya menghadapi tekanan perasaan yang hebat sehingga menjadi kurang siuman dan dirawat di Hospital Taman Bahagia, ayahnya dirawat di hospital kerana dipatuk ular, Mak Aton menuduhnya sebagai punca kematian Said. Nek Kiah mahu menjual tanah yang menjadi tempat tinggal Dahlia dan keluarganya, dan terpaksa belajar dalam keadaan kurang selesa di pusat pemindahan banjir.

### Persoalan

#### 1. Persoalan tentang kasih sayang antara ahli keluarga

- Dahlia sangat menyayangi emaknya, Saleha. Buktinya, dia melawat Saleha yang dirawat di Hospital Taman Bahagia dan berharap agar emaknya segera sembuh.

#### 2. Persoalan tentang sikap mementingkan diri dalam kalangan masyarakat

- Buktinya, penduduk kampung tidak mahu bergotong-royong bagi menayakan majlis Maulidur Rasul

#### 3. Persoalan tentang sikap suka membawa mulut dan berprasangka buruk kepada orang lain

- Buktinya, Mak Aton membawa berita yang tidak betul mengenai Dahlia apabila Azhari dan Najib datang ke rumah Dahlia.

#### 4. Persoalan tentang sikap prihatin sesama masyarakat

- Buktinya, Tauke Lim menghadiahkan RM300.00 kepada Dahlia kerana Dahlia akan melanjutkan pelajaran ke Jepun.

#### 5. Persoalan tentang percaya akan perkara tahayul

- Buktinya, Nek Kiah dan Seman percaya bahawa Embong ditimpa nasib malang kerana mereka pembawa sial dan syaitan serta hantulah yang menyebabkan keluarga tersebut susah.

#### 6. Persoalan tentang kepentingan pelajaran demi masa hadapan yang cerah

- Buktinya, Embong tidak membenarkan Dahlia berhenti sekolah dan dia sanggup berusaha untuk mendapatkan wang demi memastikan kejayaan anak-anaknya dalam pelajaran.

### Teknik plot

Teknik pemerian	- Pengarang memerihalkan keadaan di rumah Aton ketika Embong datang untuk melawat jenazah anak Aton.
Teknik dialog	- Embong dan Dahlia berbual-bual tentang keadaan Saleha di Hospital Taman Bahagia.
Teknik imbas kembali	- Embong teringat akan peristiwa Saleha pernah menghalau penagih hutang.
Teknik imbas muka	- Dahlia membayangkan kata-kata Saleha kepadanya sewaktu dia ingin melawat emaknya itu di Hospital Taman Bahagia.

**Watak dan Perwatakan**

Dahlia (Watak utama)	<ol style="list-style-type: none"><li>Dia anak sulung Embong dan Saleha dan mempunyai enam orang adik.</li><li>Dia pelajar tingkatan 6 Atas di Sekolah Menengah Perempuan Temenggung Ibrahim.</li><li>Dahlia bijak dalam pelajaran. Buktinya, dia menjadi harapan pihak sekolah dan guru kelasnya, Cikgu Hisyam sebagai calon yang bakal memperoleh kecemerlangan dalam peperiksaan STPM.</li><li>Selain itu, dia bertanggungjawab dan penyayang. Buktinya, dia menjaga adik-adiknya semasa emak dan ayahnya dirawat di hospital.</li><li>Dahlia cekat dalam menghadapi cabaran hidup. Buktinya, dia cekat dalam melalui pelbagai masalah keluarga.</li><li>Dia juga tegas akan keputusannya. Buktinya, Dahlia keluar dari asrama apabila didesak oleh warden asramanya, Cikgu Satwani.</li><li>Di samping itu, dia berani. Buktinya, dia terjun ke dalam sungai untuk menyelamatkan Said yang lemas.</li></ol>
Embong	<ol style="list-style-type: none"><li>Embong ialah suami Saleha dan ayah Dahlia.</li><li>Dia ketua keluarga yang bertanggungjawab. Buktinya, dia gigih mencari wang untuk menyara keluarganya.</li><li>Selain itu, dia penyayang. Buktinya, dia berusaha untuk menjaga makan minum anak-anaknya ketika isterinya dirawat di hospital.</li><li>Dia juga penyabar. Buktinya, dia tabah menghadapi cabaran hidupnya seperti isterinya sakit, dia dipatuk ular, dia diumpat keji oleh ibu mentuanya, dan menghadapi masalah kewangan.</li><li>Embong juga berani. Buktinya, dia membunuh ular yang membelitnya dengan sebatang kayu.</li></ol>
Saleha	<ol style="list-style-type: none"><li>Saleha ialah isteri Embong dan ibu Dahlia.</li><li>Dia hilang ingatan akibat terkena sihir sehingga terpaksa dirawat di Hospital Taman Bahagia.</li><li>Dia penyayang. Buktinya, dia menjaga keperluan anak-anaknya dengan baik ketika dia sihat.</li><li>Saleha juga rajin. Buktinya, dia sering mengikut suaminya menorah getah untuk membantu suaminya.</li><li>Dia berfikiran terbuka. Buktinya, dia membenarkan Dahlia bertunang dengan Azhari meskipun anaknya itu masih muda.</li><li>Selain itu, dia peramah dan berhemah tinggi. Buktinya, dia melayan tetamunya dengan baik dan mempelawa mereka masuk ke rumahnya serta menyajikan hidangan.</li><li>Pada akhir cerita, Saleha sembuh setelah barang sihir itu dibuang ke dalam sungai oleh anaknya.</li></ol>
Abu Bakar	<ol style="list-style-type: none"><li>Abu Bakar ialah anak kedua Embong dan Saleha serta anak lelaki tunggal.</li><li>Dia penganggur. Buktinya, dia tidak bekerja sejak menamatkan pelajaran pada peringkat tingkatan lima dan memperoleh pangkat tiga.</li><li>Dia gemar berfoya-foya. Buktinya, dia sanggup meminjam motosikal kawannya untuk menonton wayang.</li><li>Selain itu, dia pemalas. Buktinya, dia tidak mahu menjaga adiknya yang menangis dan membantu kakak serta ayahnya menguruskan keluarga sewaktu ernaknya dirawat di hospital.</li><li>Abu Bakar juga pemaarah. Buktinya, dia memarahi Melati apabila adiknya itu melawan kata-katanya.</li></ol>

- |  |
|--|
| <p>f. Dia juga mementingkan diri sendiri. Buktinya, dia sanggup mencuri dua ekor kambing ayahnya untuk dijual bagi mendapatkan wang dengan cara mudah.</p> <p>g. Namun begitu, Abu Bakar insaf akan kesalahannya. Buktinya, dia membantu orang kampung ketika mereka mengadakan persiapan untuk menyambut Maulidur Rasul dan membersihkan persekitaran rumahnya.</p> |
|--|

## Latar

### 1. Later tempat

- Di Sekolah Menengah Perempuan Temenggung Ibrahim – Dahlia belajar di Tingkatan 6 Atas dan tinggal di asrama sekolah.
- Di rumah Dahlia di Kampung Parit Haji Lias, Penggaram - Dahlia menjaga adik-adiknya ketika emaknya dirawat di hospital.
- Di Hospital Batu Pahat - Dahlia melawat ayahnya di wad kerana dipatuk ular.
- Di Hospital Taman Bahagia, Johor Bahru - Dahlia sedih kerana emaknya tidak mengenalinya lagi.
- Di balai raya Kampung Parit Haji Lias - Dahlia, Abu Bakar, Aton, Haji Sulaiman, Hajah Maimon, dan beberapa orang penduduk bergotong-royong memasak untuk menyambut Maulidur Rasul.

### 2. Later masa

- Pada waktu pagi - Embong pulang daripada melawat jenazah Said di rumah Aton pada pukul 10.25 pagi.
- Pada waktu petang - Dahlia pergi ke Hospital Batu Pahat untuk melawat emaknya tetapi emaknya telah dipindahkan ke Hospital Taman Bahagia, Johor Bahru.
- Pada waktu senja - Embong dan Dahlia mengajak Saleha yang berada di kebun getah pulang ke rumah.
- Pada waktu malam - Embong dan Dahlia mendengar sesuatu dari kandang kambing.

### 3. Latar masyarakat

- Masyarakat pelajar** - Dahlia, Siti Wangi, dan Kavita aktif dalam kegiatan kokurikulum di sekolah.
- Masyarakat remaja yang menggemari perkara-perkara yang menyeronokkan** - Abu Bakar banyak menghabiskan masanya untuk berhibur dan berpelesiran.
- Masyarakat yang tabah dalam menghadapi ujian hidup** - Embong tabah menghadapi keadaan keluarganya yang miskin dan cemuhan ibu mentuanya.
- Masyarakat yang insaf akan kesilapannya** - Abu Bakar insaf akan kesilapannya membuang masa dengan melakukan perkara yang tidak berfaedah di luar rumah.

## **Nilai**

### **1. Nilai hemah tinggi**

Abu Bakar mengakui kesalahannya menjual kambing-kambing ayahnya dan meminta maaf daripada ayahnya itu.

### **2. Nilai kasih sayang**

Dahlia ponteng sekolah beberapa hari untuk menguruskan adik-adiknya di rumah sewaktu emak dan ayahnya menerima rawatan di hospital.

### **3. Nilai keikhlasan**

Tauke Lim ikhlas membantu keluarga Embong tanpa mengharapkan sebarang balasan.

### **4. Nilai nasihat-menasihati**

Cikgu Hisyam dan Kavita menasihati Dahlia agar bersekolah semula demi masa depan Dahlia setelah beberapa hari Dahlia ponteng sekolah.

### **5. Nilai kerjasama**

Haji Sulaiman bekerjasama dengan pihak Hospital Batu Pahat untuk membawa Saleha ke hospital tersebut bagi mendapatkan rawatan yang bersesuaian.

### **6. Nilai semangat bermuafakat**

Penduduk Kampung Parit Haji Lias bermuafakat dan bersatu padu selepas kampung mereka dilanda banjir.

### **7. Nilai kerajinan**

Dahlia rajin dan gigih belajar untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran.

### **8. Nilai keberanian**

Dahlia berani menempuh ujian Tuhan terhadapnya.

## **Pengajaran**

### **1. Kita hendaklah membantu orang yang dalam kesusahan.**

Tauke Lim sanggup membayarkan harga tanah yang mahu dijual oleh Nek Kiah supaya Embong sekeluarga dapat terus tinggal di rumah mereka.

### **2. Kita mestilah berusaha untuk menyelesaikan setiap masalah yang kita hadapi.**

Dahlia berusaha untuk menyelesaikan semua masalah yang dihadapinya satu demi satu.

### **3. Kita janganlah bersangka buruk terhadap orang lain.**

Sikap Mak Aton yang bersangka buruk terhadap Dahlia apabila melihat Dahlia dihantar oleh

Azhari, janganlah kita ikuti kerana perbuatan tersebut akan menimbulkan perselisihan faham sesama masyarakat.

### **4. Kita mestilah bersedia menerima teguran orang lain demi kebaikan bersama.**

Haji Sulaiman menegur penduduk kampung kerana mementingkan diri dan enggan bekerjasama.

### **5. Kita janganlah melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran agama.**

Abu Bakar menjumpai telur yang diletakkan jarum dan paku di bawah rumahnya.

### **6. Kita haruslah insaf akan kesalahan yang kita lakukan.**

Nek Kiah dan Abu Bakar insaf akan kesalahan yang telah dilakukan terhadap keluarga mereka sendiri.